

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING**

**KAWASAN : TAIPING**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 74**

YB TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah peruntukan, insentif dan/atau pengecualian cukai yang pernah diberikan kepada syarikat kereta PROTON dan PERODUA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri automotif tempatan merupakan industri penting dan strategik yang boleh mempercepatkan proses perindustrian negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah menyalurkan beberapa jenis insentif kepada kedua-dua projek kereta nasional PROTON dan PERODUA seperti seperti geran pelancaran, pengurangan atau pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas pengimportan mesin, peralatan, bahan mentah dan komponen, pengurangan atau pengecualian duti eksais serta pemberian taraf perintis.

Bantuan dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan ini telah membantu kedua-dua syarikat ini untuk membangunkan industri automotif negara di sepanjang rangkaian nilai (*value chain*). Selain itu, ia turut membantu dalam membangunkan keupayaan syarikat-syarikat pengeluar komponen tempatan yang mendapat manfaat dari teknologi yang dibangunkan oleh PROTON dan PERODUA sehingga mampu membekal kepada syarikat-syarikat pengeluar kenderaan dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan dan sokongan Kerajaan seperti pengurangan atau pengecualian cukai turut diberikan kepada syarikat-syarikat pengilang atau pemasang kenderaan lain yang layak sama ada berstatus nasional atau tidak berdasarkan projek yang dicadangkan dan memenuhi kriteria-kriteria lain yang ditetapkan.